

Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia

Azmil Hashim

azmil@fsk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ab.Halim Tamuri

Tamuri67@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi kaedah amalan pembelajaran tahfiz di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) di Malaysia. Kajian ini melibatkan 212 pelajar semester 6 di 11 institusi dan maahad yang mengikuti Diploma Tahfiz Darul Quran JAKIM. Instrumen soal selidik telah dibina sendiri oleh penyelidik dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach bagi semua bahagian dalam soal selidik adalah tinggi iaitu 0.97. Kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian melalui lima sampel pemerhatian kelas pelajar yang diambil secara rawak. Data kuantitatif daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah, pembelajaran tahfiz, iaitu elemen tasmi', takrar berada pada tahap tinggi. Elemen tasmi talaqqi dan musyafahah berada pada tahap sederhana tinggi dan elemen kefahaman dan penulisan berada pada tahap sederhana rendah. Dapatan kajian kualitatif terhadap pemerhatian juga menyokong dapatan kajian kuantitatif ini. Implikasinya, kaedah talaqqi dan musyafahah, tasmi', takrar, merupakan kaedah paling utama yang seharusnya diberi perhatian dan kaedah kefahaman dan penulisan juga tidak boleh diabaikan.

Kata kunci: Kaedah pembelajaran, pendidikan tahfiz dan kaedah tahfiz

ABSTRACT

This study aims to survey methods of learning at Darul Quran JAKIM tahfiz and Maahad Tahfiz Quran states (MTQN) in Malaysia. The study involved 212 students in 11 institutions of semester 6 and maahad which were under Diploma Tahfiz Darul Quran JAKIM programme. Questionnaire was developed by the researcher and verified the contents of the reference panel of experts. Cronbach alpha reliability levels for all parts of the questionnaire was high at 0.97. This study also used the observations through observation of five classes of students which were taken at random. Quantitative data from the questionnaire were analyzed descriptively using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) to determine the frequency, percentage, mean and standard deviation. The results showed that the methods of learning tahfiz, the element tasmi, takrar were at the high levels. Tasmi elements and musyafahah talaqqi at high and moderate levels of understanding and writing elements are moderately low. Qualitative findings also supported the observation of this quantitative study. The implications of this study showed that talaqqi musyafahah, tasmi', takrar, methods are the most important methods that should be addressed. While the understanding and writing methods should not be neglected.

Keywords: *Methods of learning, tahfiz education and tahfiz methods*

PENDAHULUAN


Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan pendidikan yang terawal di dalam sejarah pendidikan Islam. Pendidikan tahfiz al-Quran bermula semenjak wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. melalui perantaraan Jibrail a.s. Jibrail a.s telah menunjukkan kaedah pendidikan al-Quran kepada Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w telah menyampaikan pengajaran tahfiz dalam mengajar al-Quran kepada para sahabat (al-Habash,1987). Allah telah mempermudah kepada manusia untuk menghafaz al-Quran (*al-Qamar*, 54:17) dan memelihara isi kandungannya supaya al-Quran terpelihara dari segala bentuk penyelewengan dan perubahan (*al-Hijr*, 15:9).

Menghafaz al-Quran merupakan satu usaha untuk memelihara al-Quran dan juga mengelak dari sebarang usaha untuk menyelewengkan dan memalsukan al-Quran (al-Suyuti, 1987). Allah telah memuji dan menyanjung tinggi kepada orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah (*Fathir*, 35:32), orang yang telah diberi ilmu (*al-Ankabut*, 29:45) dan penjaga keaslian al-Quran (*al-Hijr*, 15:9).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejarah menghafaz al-Quran di Malaysia secara rasminya bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz oleh Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1966. Penubuhan ini bermula dengan hasrat yang dicetuskan oleh Syeikh Mahmud Syaltut, Syaikhul al-Azhar ketika itu yang hadir semasa perasmian pembukaan Masjid Negara (Wan Muhammad, 1995). Maahad ini diberi nama Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan mula beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur dengan bilangan pelajar pada masa itu seramai lapan orang sebagai perantis yang dipilih (Darul Quran, 2006).

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran. Kajian ini merujuk kepada teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang telah diperkenalkan oleh al-Qabisi (1955). Beliau telah menjelaskan bahawa matlamat utama dalam pendidikan tahfiz adalah *makrifat al-din* yang memberi pengertian memahami *al-din* dan pembentukan akhlak manusia. Objektif utama di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang telah ditegaskan oleh beliau ialah *hifz* (hafaz), *waiy* (kefahaman) dan *istirja'* (membaca semula). Manakala di dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Qabisi (1955) telah menggunakan kaedah *talqin* (mengajar), *takrar* (latih tubi), *al-mail* (cintakan al-Quran) dan *al-fahm* (kefahaman). Beliau juga menyarankan agar teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini ialah teknik menggunakan kepelbagaian pancaindera antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis (al-Qabisi, 1955). Al-Qabisi (1955) juga menjelaskan teknik penilaian di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini seharusnya berlaku dalam bentuk penilaian harian, penilaian mingguan, dan penilaian akhir. Proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang mempunyai kaedah dan teknik yang sempurna serta penilaian yang teratur akan menghasilkan hasil pembelajaran selaras dengan matlamat dan objektif yang telah digariskan.



Rajah 1 Adaptasi teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran al-Qabisi (1955)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggabungkan antara kajian kuantitatif dan kajian kualitatif bagi menghasilkan satu kajian yang baik. Menurut Neuman (2000) kajian yang terbaik merupakan kajian yang sering menggabungkan ciri-ciri yang terdapat di dalam kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif kerana kekuatan dan kelemahan yang terdapat di dalam kedua-dua bentuk kajian tersebut saling akan menampung di antara satu sama lain.

Kajian kuantitatif yang digunakan ialah soal selidik kerana kajian ini bersesuaian dengan kaedah tinjauan (Robson,1988). Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan dipilih. Dalam

kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala Likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen et.al., 2000). Dalam instrumen kajian ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari nombor dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5).

Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pemerhatian supaya dapat memahami sesuatu fenomena secara mendalam dan terperinci namun instrumen pemerhatian ini terhad kepada kes-kes tertentu atau sampel yang kecil sahaja (Merriam 1998). Kaedah kualitatif dalam bentuk pemerhatian digunakan dalam kajian ini bagi menyokong kaedah kuantitatif. Pemerhatian juga sesuai digunakan untuk mengkaji perkembangan tingkah laku sesuatu unit dan matlamat yang diperolehi mempunyai nilai yang tinggi sekiranya dilakukan secara objektif (Mohd. Majid Konting, 2005).

Bagi menentukan kesahan dalaman soal selidik telah dirujuk kepada sembilan orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing yang terdiri daripada kepakaran dalam bidang pendidikan tahfiz, pendidikan al-Quran dan penyelidikan. Manakala kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini, satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan nilai alpha Cronbach. Didapati instrumen soal selidik pelajar ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu nilai *alpha Cronbach* 0.96 seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Nilai alpha Cronbach	Indikator
0.90-1.00	Sangat Tinggi
0.70-0.89	Tinggi
0.30-0.69	Sederhana
0.00-0.30	Rendah

Sumber: Brymen & Cramer (1999)

Kajian ini telah dijalankan di 11 buah maahad dan institut tahfiz di seluruh negara yang melaksanakan Kurikulum Tahfiz Darul Quran JAKIM. Seramai 212 pelajar yang dipilih menjadi responden kajian yang terdiri daripada pelajar semester enam di Darul Quran JAKIM dan MTQN. Sebagai data tambahan penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian dengan mengambil lima sampel pemerhatian kelas pelajar secara rawak dalam kaedah pemerhatian.

Proses penganalisan data-data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences Version 12.0. Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Penyelidik menghuraikan analisis deskriptif ini dengan menggunakan jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978) seperti di Jadual 2. Interpretasi terhadap min disusun mengikut turutan menurun dari min yang paling tinggi hingga kepada min yang paling rendah.

Jadual 2 Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Interpretasi	Skor min
Tinggi	4.01-5.00
Sederhana Tinggi	3.01-4.00
Sederhana	2.01-3.00
Rendah Rendah	1.01-2.00

Sumber: Stufflebeam (1971)

KAEDAH PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN

Jadual 3 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran dari persepsi pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa enam item kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi, tiga item mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi dan lima item mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana rendah.

Jadual 3 Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan, interpretasi min kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran dari persepsi

Kaedah P&P Tahfiz	Min	S.P	Interpretasi
<i>Talaqqi</i> dan <i>musyafahah</i>	3.32	1.41	Sederhana Tinggi
Mendengankan bacaan contoh	2.82	1.36	Sederhana Rendah
Membaca ayat dihadapan pensyarah	2.33	1.43	Sederhana Rendah
Mentakrarkan ayat sehingga hafaz	4.04	1.14	Tinggi
Membaca ayat dihadapan pensyarah selepas dihafaz	4.51	0.95	Tinggi
Menambah jumlah <i>takrar</i> pada ayat yang susah	4.23	1.12	Tinggi
Mencari makna kalimah ayat	3.88	1.11	Sederhana Tinggi
Mencari maksud ayat	3.90	1.12	Sederhana Tinggi
Mencari <i>asbab nuzul</i> ayat	2.57	1.09	Sederhana Rendah
Mencari pengajaran ayat	2.86	1.12	Sederhana Rendah
<i>Ditasmi'</i> untuk penilaian	4.58	0.76	Tinggi
<i>Ditasmi'</i> untuk mentashih hafazan	4.60	0.74	Tinggi
<i>Ditasmi'</i> untuk mengukuhkan hafazan	4.39	0.98	Tinggi
Melakukan tadarus hafazan	2.73	1.08	Sederhana Rendah
Melakukan tadarus untuk mentashih hafazan	2.70	1.12	Sederhana Rendah
Melakukan tadarus untuk mengukuhkan hafazan	2.71	1.10	Sederhana Rendah
Menggunakan kaedah penulisan	2.70	1.14	Sederhana Rendah
Kaedah penulisan pada ayat-ayat yang susah	2.68	1.17	Sederhana Rendah
Kaedah penulisan bagi mengelak mudah terlupa	2.66	1.14	Sederhana Rendah
Penilaian melalui penulisan	2.66	1.22	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan	3.34	0.60	Sederhana Tinggi

Item yang mendapat interpretasi min pada tahap tinggi ialah item mentakrarkan ayat sehingga hafaz (min=4.04, sp=1.14) peratus amat kerap dan kerap 74.3%, item membaca ayat di hadapan pensyarah selepas di hafaz (min=4.51, sp=0.95) peratus amat kerap dan kerap 89.9%, item menambah jumlah takrir pada ayat yang susah (min=4.23, sp=1.12) peratus amat kerap dan kerap 79.9%, item ditasmi' untuk penilaian (min=4.58, sp=0.76) peratus amat kerap dan kerap 91.2%, item ditasmi' untuk mentashihkan hafazan (min=4.60, sp=0.74) peratus amat kerap dan kerap 93.1% dan item ditasmi' untuk mengukuhkan hafazan (min=4.39, sp=0.98) peratus amat kerap dan kerap 83.5%.

Manakala item yang mendapat interpretasi min sederhana tinggi ialah item *talaqqi* dan *musyafahah* (min=3.32, sp=1.41), item mencari makna kalimah ayat (min=3.88, sp=1.11), item mencari maksud ayat (min=3.90, sp=1.12). Item yang mendapat interpretasi min sederhana rendah ialah item mendengar bacaan contoh (min=2.82, sp=1.36), item membaca ayat di hadapan pensyarah sebelum menghafaz (min=2.33, sp=1.43), item mencari asbab nuzul ayat (min=2.57, sp=1.09), item mencari pengajaran ayat (min=2.86, sp=1.12), item melakukan tadarus hafazan (min=2.73, sp=1.08), item melakukan tadarus untuk mentashihkan hafazan (min=2.70, sp=1.12), item melakukan tadarus untuk mengukuhkan hafazan (min=2.71, sp=1.10), item menggunakan kaedah penulisan (min=2.70, sp=1.14), item menggunakan kaedah penulisan pada ayat-ayat yang susah (min=2.68, sp=1.17), item menggunakan kaedah penulisan bagi mengelakkan mudah terlupa (min=2.66, sp=1.14) dan item penilaian melalui penulisan (min=2.66, sp=1.22).

Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah takrar dan tasmi' ini merupakan kaedah yang sering dilaksanakan oleh pelajar di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Pelajar merasakan bahawa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang dilakukan oleh pensyarah masih tidak mencukupi dan tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Pelajar juga kurang berusaha dalam mencari makna kalimah dan maksud ayat dalam menghafaz al-Quran. Manakala amalan mendengar bacaan contoh daripada pensyarah, membaca ayat di hadapan pensyarah sebelum dihafaz, mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat amat kurang diberi penekanan oleh pelajar. Pelajar juga amat kurang melakukan amalan tadarus dan menggunakan kaedah penulisan dalam hafazan al-Quran.

Data pemerhatian kelas terhadap kaedah pembelajaran tahfiz menunjukkan bahawa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* secara menyeluruh di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran seperti di Jadual 4. Namun secara praktikalnya pelajar disemak dan ditasmi' bacaan tanpa mendengar bacaan contoh kepada pelajar. Aspek tasmi' selepas hafazan merupakan kaedah amalan yang paling utama di dalam kelas. *Muraja'ah* ayat lama hanya dilakukan mengikut jadual kelas yang ditetapkan kebiasaannya pada hari terakhir minggu tersebut iaitu hari Jumaat atau Khamis. Pelajar akan muraja'ah qodim apa yang telah dihafaz pada minggu tersebut. Begitu juga dengan *muraja'ah majmu'* dilakukan semasa pelajar telah khatam muqarrar hafazan sama ada telah hafaz satu juzuk atau telah hafaz semua muqarrar semester tersebut. Walaubagaimanapun amalan ini bergantung kepada pensyarah tersebut.

Manakala dalam aspek kefahaman dan pengajaran ayat kurang diberi penekanan di dalam kelas. Kefahaman hanya berlaku secara usaha sendiri pelajar untuk memudahkan hafazan semasa takrar di luar kelas bukannya di dalam kelas oleh pensyarah. Pelajar hanya diperbaiki bacaannya oleh pensyarah dengan sekadar mencelah dalam memberi kefahaman kepada pelajar semasa *tasmi'*. Ini adalah kerana kelas *tasmi'* hanya diperuntukkan untuk kelancaran hafazan sahaja bukannya untuk kefahaman disebabkan dengan kekangan masa *tasmi'* dan kesuntukan waktu.

Jadual 4 Kekekapan kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz di dalam kelas

Pemerhatian Kaedah	P1	P2	P3	P4	P5	Jumlah
<i>Talaqqi</i> dan <i>musyafahah</i>	√	√	√	√	√	5/5
Bacaan contoh pensyarah	√					1/5
Menyemak bacaan	√	√		√	√	4/5
<i>Tasmi'</i> selepas dihafaz	√	√	√	√	√	5/5
<i>Muraja'ah</i> ayat lama	√		√			2/5
Kefahaman ayat		√			√	2/5
Pengajaran ayat						0/5
<i>Tadarus</i>			√		√	2/5
Penulisan						0/5

Tadarus juga dilakukan semasa pelajar sedang ditasmi' oleh pensyarah, pelajar yang lain bertadarus hafazan menunggu giliran untuk ditasmi'. Manakala aspek kaedah penulisan tidak digunakan di dalam kelas sama ada pelajar atau guru kerana peruntukan masa terhad.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan kaedah takrar, memperbanyakkan takrar pada ayat yang susah dan *tasmi'* di hadapan pensyarah selepas dihafaz untuk penilaian, pembedahan dan pengukuhan hafazan. Kaedah takrar dan *tasmi'* ini merupakan kaedah yang sering dilaksanakan oleh pelajar di dalam pembelajaran tahfiz al-Quran. Kajian ini membuktikan bahawa kaedah takrar merupakan kaedah yang utama dan penentu kepada kekuatan hafazan pelajar. Kaedah takrar ini juga merupakan kaedah yang utama dalam pembelajaran tahfiz al-Quran (Al-Qabisi, 1955; Ahwani, 1955; Muhammad Muhsin, 1994; Abu al-Wafa, 1999; Abu Najihat, 2002, Al-Syarbini, 2004; Abu al-Fida', 2006; Mohd Farouq, 1427H). Begitu juga dengan kaedah *tasmi'* yang merupakan kaedah yang utama untuk menilai bacaan dan hafazan serta mengukuhkan kekuatan hafazan (Abu al-Wafa', 1999; Abu Najihat, 2002; Abu al-Fida', 2006).

Berdasarkan kajian menunjukkan bahawa pelajar merasakan bahawa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang dilakukan oleh pensyarah masih tidak mencukupi dan tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* seharusnya diberi penekanan oleh pelajar dalam proses pembelajaran kerana kaedah ini menjadi kaedah asas dalam pembelajaran tahfiz al-Quran dan menjadi kaedah yang telah diamalkan oleh Jibrail a.s dan baginda Rasulullah s.a.w semasa penurunan wahyu (Abu Najihat, 2002; Abu al-Fida', 2006).

Kaedah *tasmi'* dan *talaqqi* telah dibuktikan oleh Mohamad Marzuqi (2008) dengan menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah *tasmi'* dan *talaqqi* dengan pencapaian pelajar. Kaedah *tasmi'* juga merupakan kaedah yang mempunyai keberkesanan yang tinggi di dalam pembelajaran tahfiz (Abdul Hafiz dan Hasimah Muda, 2003). Begitu juga dengan kajian Abdul Hafiz et.al. (2005) menunjukkan bahawa kaedah takrar dan *tasmi'* merupakan kaedah yang sering diamalkan dalam pembelajaran tahfiz.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar kurang berusaha dalam mencari makna kalimah dan maksud ayat kerana pensyarah-pensyarah kurang memberi penekanan terhadap makna kalimah dan maksud ayat yang dihafaz sedangkan kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam mengukuhkan hafazan dan dapat menambahkan kekhusyukan dalam menghafaz al-Quran (Ahwani,1955; al-Syarbini, 2004; Abu al-Fida' 2006). Kaedah kefahaman juga merupakan kaedah yang telah dilakukan oleh pelajar cemerlang dalam hafazan al-Quran dengan memahami terjemahan ayat al-Quran, memahami maksud ceriata al-Quran dan mengaitkan kefahaman serta analisi ayat yang dihafaz (Misnan Jemali, 2003).

Manakala amalan mendengar bacaan contoh daripada pensyarah dan membaca ayat di hadapan pensyarah sebelum dihafaz amat kurang diberi penekanan oleh pelajar. Mencari asbab nuzul ayat dan pengajaran ayat juga amat kurang dititik beratkan. Pelajar juga amat kurang melakukan amalan tadarus untuk mentashihkan hafazan dan mengukuhkan hafazan sedangkan amalan tadarus merupakan kaedah yang penting dalam memperbetulkan bacaan hafazan di samping memperkukuhkan hafazan (Muhammad Muhsin, 1994; Abu Najihat, 2002; Mohd Farouq, 1427H). Amalan menggunakan kaedah penulisan untuk mengukuhkan hafazan terutama pada ayat susah dan menggunakan kaedah penulisan dalam penilaian (al-Qabisi, 1955; Abu al-Wafa, 1999; Abu al-Fida', 2006) juga amat kurang dilakukan oleh pelajar. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian oleh Abdul Hafiz dan Hasimah Muda (2003) dengan menegaskan bahawa kaedah penulisan merupakan kaedah yang mempunyai keberkesanan yang tinggi di dalam pembelajaran tahfiz. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Mohamad Marzuqi (2008) yang telah menyatakan bahawa kaedah penulisan, kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran di maahad-maahad tahfiz. Begitu juga kajian Abdul Hafiz et.al. (2005) mendapati kaedah penulisan dan kaedah memahami ayat berada pada tahap sederhana. Oleh yang demikian kekurangan dan kelemahan terhadap amalan-amalan ini di dalam kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran amat perlu diperbaiki dan dipertingkatkan supaya hasil pembelajaran tahfiz tercapai dengan sempurna.

IMPLIKASI KAJIAN

Secara umumnya kajian mendapati bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan dalam pembelajaran tahfiz al-Quran yang perlu kepada penambah baikan dan peningkatan. Implikasinya dapat dirumuskan seperti berikut:

Amalan talaqqi dan musyafahah dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran merupakan kaedah yang paling asas dalam pendidikan tahfiz yang seharusnya diamalkan secara meluas oleh pensyarah dan pelajar. Melalui kaedah talaqqi dan musyafahah, kaedah tasmi' untuk mentashihkan hafazan, mengukuhkan hafazan dan melakukan penilaian terhadap hafazan dapat diamalkan dan serentak. Di samping itu juga kaedah tadarus bersama rakan-rakan juga dapat berperanan dalam mentashihkan hafazan, mengukuhkan hafazan dan melakukan penilaian terhadap hafazan. Kekuatan hafazan seseorang pelajar berkait rapat dengan sejauhmana jumlah takrar yang dilakukan oleh pelajar. Oleh yang demikian kaedah takrar juga merupakan kaedah paling asas dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz.

Kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar guru. Pensyarah kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Di samping itu juga kaedah penulisan juga amat kurang diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz sama ada pensyarah atau pelajar juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Peranan kaedah penulisan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz kurang mendapat pendedahan di kalangan pensyarah dan pelajar sedangkan kaedah penulisan ini turut berperanan dalam mengukuhkan hafazan terutama pada ayat-ayat yang sukar dihafaz.

Oleh yang demikian amalan talaqqi dan *musyafahah*, *tasmi'*, *takrar*, merupakan kaedah paling utama yang seharusnya diberi perhatian dalam pembelajaran tahfiz. Manakala kaedah kefahaman dan penulisan dalam pembelajaran tahfiz juga tidak boleh diabaikan dan juga perlu diberi keutamaan agar objektif pembelajaran tahfiz terhasil sepertimana yang telah ditetapkan.

PENUTUP

Kajian ini menunjukkan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang dilakukan oleh pelajar semester 6 di Darul Quran JAKIM dan MTQN. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam amalan kaedah pembelajaran tahfiz yang perlu diperhalusi secara mendalam agar langkah penyelesaian dapat diatasi dengan segera. Manakala kekuatan yang terdapat di dalam amalan tersebut perlu dikekalkan dan diperkemaskinikan supaya kekuatan tersebut dapat membawa kejayaan di dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Hafiz Abdullah dan Hasimah Muda. 2003. *Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salomon, Azmi Shah Suratman & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Al-Fida', Muhammad Izzat. 2006. *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.
- Abu Al-Wafa, Aliyallah Ali. 1999. *An-Nur al-mubin litahfiz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul Wafa'.
- Abu Najihat Al-Hafiz. 2002. *Panduan bagi hafiz-hafizah dan qari dan qari'ah*. Selangor. Penerbit Darul Iman.
- Ahwani, Ahmad Fuad. 1995. *Al-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Muni'm. 2004. *As-Sabil ila al-jinan bi bayan kaifa yuhfazul Quran*. Zaqaziq: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Habash, As-Syeikh Muhammad. 1987. *Kaifa tahfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Khair.
- Al-Qabisi. Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Ar-Risalah al-mufassolah li ahwal al-mua'allimin wa ahkam almu'allimin wal mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. 1987. *Al-Itqan fi 'ulumil Quran*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halaby.
- Cohen, L, Manion, L & Morrison, K. 2000. *Research methods in education*. London: Routledge Falmer.
- Darul Quran 2006. *Sejarah Darul Quran. Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Misnan Jemali. 2002. Hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Quraat di Perak. *Seminar Kaedah pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey Bass Publisher: San Francisco.
- Mohd Farouq Mohd Al-Raiy 1427H. *Al-tariqah al-'amaliyyah lit'allumi wa ta'alim al-Quran hifzan wa tilawatan bittajwid wal itqan*. Jeddah: Syirkah al-Madinatul Munawwarah litaba'ah wal-nasyr.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Muhsin Syeikh Ahmad. 1994. *Al-Quran dan cara-cara menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran.
- Neuman W. Lawrence 2000. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. USA: Pearson
- Nunally, J. C. 1978. *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Robson, Collin. 1998. *Real world research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, Khairul Anuar Muhammad & Mohd Zohdi Mohd Amin. 2003. Tahfiz al-Quran: Sejarah dan perkembangannya. *Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Wan Muhammad Abdul Aziz. 1995. Ke arah penyelarasan sistem pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. *Jurnal Institut Pengajian Tahfiz al-Quran*. Bil 1.1-8

Bioadata

Dr. Azmil Hashim. Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, azmil@fsk.upsi.edu.my

Profesor Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, tamuri67@gmail.com